

24/05/2002

Isu meritokrasi hangatkan perhimpunan MIC

Magendran Rajagopal

PERHIMPUNAN Agung MIC Ke-56 ternyata tidak dapat lari daripada isu pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berdasarkan meritokrasi mulai tahun ini, yang mengakibatkan kemasukan pelajar India ke IPTA susut hampir 50 peratus berbanding pengambilan berdasarkan sistem kuota pada tahun sebelumnya.

Gema laungan 'Hidup Dr Mahathir' daripada 1,460 perwakilan apabila menyambut ketibaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Dewan Jubli Perak, Shah Alam hujung minggu lalu ternyata kehilangan semangatnya dan lebih hambar apabila laungan yang sama berkumandang mengiringi kepulangan Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu.

Rata-rata perwakilan memang kecewa dengan kenyataan Perdana Menteri bahawa meritokrasi akan dikekalkan tetapi kerajaan sedia mengkaji kesesuaiannya, malah ada yang menyuarakan kekecewaan mereka walaupun Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, meminta mereka agar jangan putus harapan.

Malah, jaminan Samy Vellu bahawa beliau akan membangkitkan isu itu dalam mesyuarat Kabinet tidak dapat menenangkan perwakilan yang berasakan tindakan kerajaan itu seolah-olah mengekang kemajuan pelajar India dalam bidang pendidikan, sekali gus menafikan peluang mereka meningkatkan daya saing seiring dengan kaum lain apabila memasuki alam pekerjaan.

Tidak ada perkara lain yang dibincangkan selain meritokrasi, baik apabila berada dalam dewan, ketika minum petang atau makan tengah hari, terutama di kalangan ibu bapa yang menyuarakan kebimbangan mengenai masa depan anak-anak mereka dan bertegas sudah menjadi hak mereka untuk mengetengahkan rasa kecewa masing-masing.

Tahun ini, daripada 2,537 pelajar India yang layak memasuki IPTA, hanya 1,530 berjaya mendapat tempat, iaitu berkurangan kepada 4.7 peratus berbanding 7.8 peratus tahun lalu, apabila pengambilan pelajar dibuat berdasarkan meritokrasi.

Seorang perwakilan yang ditemui selepas perasmian perhimpunan agung itu berkata, beliau tidak boleh memendam perasaan marahnya kerana kekurangan hampir 50 peratus adalah sesuatu yang serius dan sudah tentu pelajar India yang gagal melanjutkan pelajaran akan kehilangan daya saing dalam zaman yang mementingkan kelulusan akademik ini.

Berhubung perkara berkenaan, perhimpunan agung MIC kali ini juga sebulat suara mengusulkan satu resolusi khas mencadangkan supaya peratusan kemasukan pelajar ke IPTA perlu dilakukan mengikut komposisi kaum di negara ini bagi memberi peluang sama rata kepada semua pelajar.

Selain itu, Samy Vellu juga meminta perwakilan bersabar kerana beliau akan menemui Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, mengenai perkara itu dan akan membangkitkannya dalam mesyuarat Kabinet sehingga mendapat satu penyelesaian memuaskan.

Bagaimanapun, dalam sesi perbincangan ucapan dasar presiden, tiga perwakilan yang memulakan bahas mereka menyentuh mengenai meritokrasi dan secara terbuka menyuarakan rasa terkilan kerana tidak mendapat jawapan diharapkan daripada Dr Mahathir.

Antara lain, kenyataan Perdana Menteri bahawa meritokrasi akan dikekalkan buat masa ini walaupun kerajaan sedia mengkaji semula kesesuaiannya, sukar diterima oleh perwakilan yang berasakan seolah-olah masa depan pelajar India terjejas.

Perhimpunan itu juga mengusulkan satu resolusi khas meminta kerajaan

mempertimbangkan pengambilan pelajar ke IPTA berdasarkan peratusan komposisi kaum di negara ini bagi memberikan peluang yang sama rata kepada pelajar pelbagai kaum.

Bagaimanapun, perwakilan seterusnya tidak ketinggalan membuat penilaian terhadap kerajaan BN dan manfaat yang diterima MIC selaku parti komponen selepas hampir 50 tahun menjadi penyokong setia BN dengan menjanjikan hampir 100 peratus undi kaum India kepada calon BN dalam setiap pilihan raya.

"Kadangkala kita terasa bahawa MIC ini diperlakukan seperti 'pengemis kehormat' kerana terpaksa merayu-rayu kepada kerajaan apabila mahu meminta sesuatu dan itu pun belum tentu dapat. Hakikatnya kita terpaksa terus meminta-minta dan menunggu, seolah-olah pengorbanan kita kepada BN tidak ada makna.

"Begitu juga halnya dengan isu meritokrasi ini, kini perlu terus bersuara jika mahu sesuatu perubahan dilakukan segera dan saya yakin Presiden MIC adalah orang paling layak mengetengahkan perkara ini kepada kerajaan," katanya.

Selain itu, ada perwakilan mempersoalkan ketelusan kerajaan dalam usaha menetapkan gaji bulanan kepada pekerja ladang getah serta isu masa depan sekolah Tamil yang masih lagi diperjuangkan walaupun isu berkenaan dibangkitkan dalam semua Perhimpunan Agung MIC sejak 55 tahun lalu.

Samy Vellu berkata, kerajaan sudah membelanjakan hampir RM19 juta bagi pembinaan beberapa sekolah Tamil di seluruh negara dan meminta perwakilan merujuk kepada buku laporan tahunan di mana gambar beberapa sekolah berkenaan dipaparkan serta memberi jaminan kepada mereka bahawa lebih banyak projek seumpama itu sedang dirancang.

Seorang perwakilan mencadangkan supaya usaha lebih giat dilakukan bagi meyakinkan kerajaan supaya menukar lebih separuh daripada 522 sekolah Tamil di seluruh negara yang kini menerima bantuan modal, kepada bantuan penuh kerajaan bagi memastikan pengurusan serta kemudahan asasnya mencukupi.

Seorang perwakilan turut membangkitkan mengenai kekurangan wakil masyarakat India pada peringkat kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat, terutama dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) serta Parlimen, kerana keperluan serta kepentingan masyarakat India sukar diketengahkan.

Secara umumnya, perbahasan kali ini menjadi medan perwakilan MIC menyuarakan masalah yang dihadapi masyarakat serta kegagalan kerajaan menangani beberapa isu khusus walaupun sudah berulang kali dibangkitkan.

Menyedari sentimen perwakilan, Samy Vellu yang sudah menjadi Presiden MIC selama 23 tahun, menasihati mereka supaya jangan patah semangat dengan kerajaan atau hilang kepercayaan terhadap Perdana Menteri kerana selama ini, beliau tidak pernah menghampakan permintaan masyarakat India.

"Ini (meritokrasi) hanya satu halangan saja, ia boleh diatasi. Banyak lagi perjuangan kita yang belum selesai. Perjalanan kita masih jauh lagi dan kecekalan semangat MIC perlu berterusan. Kita hanya kalah satu 'pertempuran' dan ini tidak bermakna kita sudah kalah dalam 'peperangan'," katanya.

Walaupun pahit, perwakilan nampaknya sanggup menerima penjelasan itu kerana perhimpunan agung kali ini menampilkan satu kematangan yang luar biasa berbanding tahun sebelumnya di mana perwakilan lebih rasional, baik ketika menerima penjelasan daripada presiden parti atau mengemukakan hujah masing-masing.

Malah hubungan Samy Vellu dan timbalannya, Datuk S Subramaniam, yang dikatakan agak renggang selepas perebutan kerusi presiden sekitar 1989, nampaknya memasuki lembaran baru kerana kedua-duanya kelihatan banyak berbincang sepanjang perhimpunan kali ini.

Naib Presiden MIC, Datuk G Palanivel, menyifatkan perkembangan baru itu

sebagai petanda bahawa tahap kematangan anggota MIC sudah berlipat ganda dan mereka lebih peka mengenai hak serta kepentingan mereka serta tahu peranan mereka selaku anggota komponen BN.

"Kandungan perbahasan mereka juga semakin bernas dan mempunyai banyak cadangan yang wajar dipertimbangkan pada peringkat parti dan oleh kerajaan sendiri. Hakikatnya, sokongan kaum India di negara ini hampir 100 peratus di belakang kerajaan dan MIC sentiasa memastikan kesemua undi mereka berpihak kepada BN.

"Seperti yang dikatakan rakan kita dalam Umno, dulu, kini dan selamanya, sokongan masyarakat India kepada BN tidak akan luntur.

"Namun, permintaan masyarakat India ini tidak wajar dianggap keterlaluan kerana ia didorong kebimbangan terhadap masa depan generasi muda kaum India jika mereka berdiam diri sekarang," katanya.

(END)